

Abu Isa berkata: “Hadits Anas merupakan yang paling *sahih* dan paling *hasan* dalam bab ini.”⁶⁴ Hadits Zaid bin Arqam ada *itthirah*⁶⁵ dalam sanadnya. Hisyam al-Dastuwaa’i dan Sa’id bin Abi ‘Arubah telah meriwayatkan hadits ini daripada Qataadah. Sa’id berkata: “Daripada al-Qasim bin ‘Auf al-Syaibani daripada Zaid bin Arqam.” Kata Hisyam al-Dastuwaa’i pula: “Daripada Qataadah daripada Zaid bin Arqam.” Syu’bah dan Ma’mar pula meriwayatkan daripada Qataadah daripada al-Nadhr bin Anas. Syu’bah berkata: “Daripada Zaid bin Al-Arqam.” Manakala Ma’mar pula menyebutkan: “Daripada al-Nadhr bin Anas daripada ayahnya (Anas bin Malik) daripada Nabi s.a.w.”⁶⁶ Abu Isa

⁶³ Dalam bab ini ada riwayat daripada ‘Ali, Zaid bin Arqam, Jaabir dan Ibni Mas’ud. Hadits ‘Ali diriwayatkan Tirmizi sendiri di bawah *بَابُ مَا ذُكِرَ مِنَ التَّحْمِيلِ عِنْدَ دُخُولِ الْخَلَاءِ* (Bab Membaca *بِسْمِ اللَّهِ* Ketika Hendak Masuk Tandas). Ibnu Majah juga turut meriwayatkannya. Hadits Zaid bin Arqam dikemukakan oleh Abu Daud, an-Nasaa’i, Ibnu Majah dan at-Thabaraani di dalam al-Mu’jam al-Kabirnya. Hadits Jaabir tidak dapat diketahui siapakah yang meriwayatkannya. Hadits Ibnu Mas’ud diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah di dalam Mushannafnya. Isnadnya dha’if kerana terdapat seorang perawi majhul di dalamnya. Ibnu Abi Syaibah juga meriwayatkan hadits dalam bab ini daripada Huzaifah m.36H. Isnadnya juga dha’if. Di dalamnya terdapat seorang perawi dha’if bernama Juwaibir bin Sa’id, murid adh-Dhahhaak bin Muzaahim m.105H. Adh-Dhahhaak tidak sempat bertemu Huzaifah. Usahkan Huzaifah, Abu Hurairah dan Ibnu ‘Abbaas pun beliau tidak sempat bertemu. Demikianlah kata ‘ulama’ Rijal. Lihat Mizan al-I’tidaal oleh az-Zahabi misalnya. Kerananya ia munqathi’ (terputus). Hal ini juga menyebabkan ia sekali lagi menjadi dha’if.

⁶⁴ Imam Tirmizi berkata: “Hadits Anas (di atas) merupakan yang paling *sahih* dan paling *hasan* dalam bab ini.” Maksud beliau ialah yang paling sahih di antara sanad-sanadnya yang sahih dan yang paling hasan di antara sanad-sanadnya yang hasan. Kata-kata Tirmizi seperti ini mungkin juga membawa maksud yang lain. Sila lihat perbincangan tentangnya pada nota:52 yang lalu. Hadits ini dikatakan paling sahih, kerana ia juga telah diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim. Dikatakan paling hasan kerana selain Tirmizi, Ashabus Sunan yang lain (seperti Abu Daud, Nasaa’i, Ibnu Majah, ad-Daarimi, al-Baihaqi dan lain-lain) juga turut meriwayatkannya.

⁶⁵ *Itthiraab* bererti keadaan sesuatu hadits tidak tetap, goyah dan berubah-ubah sama ada pada matan (teks) atau sanadnya, sehingga tidak dapat dijama’ atau ditarjihkan salah satu daripadanya disebabkan kedudukannya yang lebih kurang sama kuat. *Itthiraab* pada matan bererti sesuatu hadits yang diriwayatkan oleh ramai atau seorang perawi tetapi lafaznya berbeda di antara satu dengan yang lain. *Itthiraab* pada sanad pula bererti keadaan sanad yang tidak sekata, sedangkan haditsnya mungkin sama.

⁶⁶ Setelah mengisytarkan kepada *itthiraab* pada matan hadits, Imam Tirmizi menyatakan pula perihal *itthiraab* pada sanadnya. Kata beliau: “Berhubung dengan bab ini ada riwayat daripada ‘Ali, Zaid bin Arqam, Jaabir dan Ibni Mas’ud.” Lalu beliau menyebutkan tentang kewujudan *itthiraab* pada sanad hadits yang diriwayatkan oleh Zaid bin Arqam. Beliau langsung tidak menyentuh tentang riwayat ‘Ali, Jaabir dan Ibni Mas’ud. Bagi penulis, bukan kerana riwayat-riwayat mereka itu tidak bermasalah, tetapi supaya fikiran para pelajar tidak bercelaru. Dan

supaya mereka mendapat contoh hadits yang *muttharib* sanadnya. Hadits *muttharib* termasuk dalam kategori hadits *dha'if*. Penilaian *paling hasan* dan *paling sahih* yang diberikan oleh Imam Tirmizi hanyalah terhadap hadits Anas yang sedang diperbincangkan. Ia tidak meliputi hadits Zaid bin Arqam yang *muttharib* ini. Namun begitu masih lagi ada kemungkinan ia meningkat naik sehingga ke taraf hasan atau sahih jika sanad-sanad yang *muttharib* itu boleh dijama', ditarjih atau diselesaikan punca *itthiraabnya*. Itulah yang hendak dilakukan oleh Tirmizi dan Bukhari dalam jawapan beliau terhadap soalan yang dikemukakan oleh Tirmizi di atas.

Imam Tirmizi seterusnya memperincikan perihal *itthiraab* yang berlaku di dalam sanad riwayat daripada Zaid bin Arqam. Qataadah adalah seorang tokoh 'ulama' hadis terkenal. Beliau merupakan *madaarul isnad* (paksi isnad) bagi riwayat Zaid bin Arqam. Empat orang murid beliau telah meriwayatkan daripada beliau hadits Zaid bin Arqam tersebut. (1) Hisyam ad-Dastuwaa'i. (2) Sa'id bin Abi 'Arubah. (3) Syu'bah. (4) Ma'mar. **Jika diperhatikan kesemua isنادnya** niscaya akan didapati *itthiraab* berlaku kerana tiga sebab berikut: (1) Kerana adanya khilaf di antara perawi-perawi daripada Qataadah, sama ada beliau mengambil hadits terus daripada Zaid bin Arqam atau al-Qasim bin Auf as-Syaibani menjadi perantara di antara kedua mereka. Ertinya ada khilaf tentang siapakah sebenarnya guru Qataadah? (2) Kerana Syu'bah dan Ma'mar berbeza daripada perawi lain. Kedua-duanya mengambil hadits daripada Qataadah tetapi Qataadah tidak mengambil hadits ini daripada al-Qasim bin 'Auf, sebaliknya daripada an-Nadhr bin Anas. Keadaan menjadi semakin rumit kerana kedua mereka meriwayatkan daripada perawi yang berbeza selepas an-Nadhr bin Anas. Syu'bah mengatakan an-Nadhr bin Anas mengambil hadits ini daripada Zaid bin Arqam, sedangkan Ma'mar pula mengatakan an-Nadhr meriwayatkan hadits ini daripada ayahnya sendiri iaitu Anas bin Malik. Ertinya ada khilaf tentang guru kepada guru Qataadah. Sama ada dia Zaid bin Arqam atau Anas bin Malik? Yang betulnya ialah riwayat Syu'bah yang menyebutkan guru kepada guru Qataadah adalah Zaid bin Arqam. (3) Adakah hadits ini termasuk dalam musnad Zaid bin Arqam atau ia termasuk dalam musnad Anas bin Malik? Yang betulnya ialah ia termasuk dalam musnad Zaid bin Arqam. Itulah sebabnya Imam Tirmizi tidak menyebutkan riwayat Anas dalam *وفي الباب* yang diisyaratkannya di atas. **Hisyam ad-Dastuwaa'i meriwayatkan daripada** Qataadah daripada Zaid bin Arqam tanpa ada perantaraan di antara Qataadah dan Zaid. Oleh kerana Qataadah terkenal sebagai seorang *mudallis* dan riwayat ini pula dikemukakan secara *'an'anah*, maka ada kemungkinan terdapat perawi yang digugurkan di antara Qataadah dan Zaid bin Arqam. Para 'ulama' hadits tidak dapat menerima riwayat Hisyam ad-Dastuwaa'i. Mereka menganggap Hisyam telah tersalah dalam hal ini. Pada pandangan mereka Qataadah yang lahir pada tahun 61H tidak mungkin sempat menerima sesuatu hadits terus daripada Zaid bin Arqam yang meninggal pada tahun 63 atau 64H. Oleh itu tentulah ada seseorang perawi yang gugur atau tidak tersebut di antara Qataadah dan Zaid bin Arqam. Al-Haakim di dalam *Ma'rifatu 'Ulum al-Haditsnya* menulis: *لم يسمع قتادة من صحابي غير أنس* Bermaksud: "Qataadah tidak sempat mendengar (menerima) hadits daripada mana-mana sahabat selain Anas." Demikian juga kata Imam Ahmad. Sa'id bin Abi 'Arubah meriwayatkan daripada Qataadah daripada al-Qasim bin Auf as-Syaibani daripada Zaid bin Arqam. Ini bererti di dalam saluran riwayat Sa'id bin Abi 'Arubah terdapat seorang lagi perawi di antara Qataadah dan Zaid bin Arqam iaitu al-Qasim bin 'Auf as-Syaibani. Dalam masalah ini riwayat Sa'id bin Abi 'Arubahlah yang tepat dan betul. Dengan ini hilanglah sebab *itthiraab* (1) yang tersebut tadi. **Syu'bah dan Ma'mar walaupun** sama dalam meriwayatkan hadits ini daripada Qataadah

berkata: Saya bertanya Muhammad (Imam Bukhari) tentang perkara ini. Beliau berkata: “Boleh jadi Qataadah meriwayatkan daripada kedua-dua mereka.”⁶⁷

daripada an-Nadhr bin Anas, namun terdapat perbezaan di antara isnad mereka berdua. Syu`bah mengatakan an-Nadhr bin Anas mengambilnya daripada Zaid bin Arqam. Sementara Ma`mar pula mengatakan an-Nadhr bin Anas mengambilnya daripada ayahnya sendiri iaitu Anas bin Malik. Dalam masalah ini pula riwayat Syu`bah yang tepat dan betul. Adapun riwayat Ma`mar, maka ia adalah akibat waham yang telah berlaku kepada perawi. Imam Al-Baihaqi di dalam Sunan Kubranya menulis: *قَالَ الْإِمَامُ أَحْمَدُ وَقِيلَ عَنْ مَعْمَرٍ عَنْ قَتَادَةَ عَنْ النَّضْرِ بْنِ أَنَسٍ عَنْ أَنَسٍ وَهُوَ وَهُمْ*. Bermaksud: “Kata Imam Ahmad: “Dikatakan riwayat ini diterima daripada Ma`mar daripada an-Nadhr bin Anas daripada Anas”. Ini adalah waham (perawi).” (*Lihat as-Sunan al-Kubra j.1 m/s 96*). Selepas mengemukakan riwayat Syu`bah daripada an-Nadhr bin Anas daripada Zaid bin Arqam al-Baihaqi berkata: *وَهَكَذَا رَوَاهُ مَعْمَرٌ عَنْ قَتَادَةَ وَكَذَلِكَ رَوَاهُ ابْنُ عُثَيْمٍ وَأَبُو الْجَمَاهِرِ عَنْ سَعِيدِ بْنِ أَبِي عَرُوبَةَ عَنْ قَتَادَةَ وَرَوَاهُ يَزِيدُ بْنُ زُرَيْعٍ وَجَمَاعَةٌ عَنْ سَعِيدِ بْنِ أَبِي عَرُوبَةَ عَنْ قَتَادَةَ عَنْ الْقَاسِمِ بْنِ عَوْفٍ الشَّيْبَانِيِّ عَنْ زَيْدِ بْنِ أَرْقَمٍ*. Bermaksud: Begitulah hadits ini diriwayatkan oleh Ma`mar daripada Qataadah. Begitu juga ia diriwayatkan oleh Ibnu `Ulaiyyah dan Abu al-Jamaahir daripada Sa`id bin Abi `Arubah daripada Qataadah. Yazid bin Zurai` dan sekumpulan perawi lain meriwayatkannya daripada Sa`id bin Abi `Arubah daripada Qataadah daripada al-Qasim bin `Auf as-Syaibaani daripada Zaid bin Arqam.” (*ibid*). Nah! Riwayat Ma`mar daripada an-Nadhr bin Anas daripada Anas telah disalahkan oleh al-Baihaqi. Menurut al-Baihaqi Ma`mar juga sebenarnya seperti Syu`bah telah meriwayatkan daripada an-Nadhr bin Anas daripada Zaid bin Arqam. Dengan itu hilanglah sebab *itthiraab* (2) dan (3) yang tersebut tadi. Inilah keadaan yang disebutkan sebagai *itthiraab* oleh Imam at-Tirmizi dan itulah penyelesaian dan pemurniannya. Dengan itu hadits Zaid bin Arqam tidak lagi boleh dikatakan *muttharib* dan dha`if. Ia bahkan satu hadits yang jelas sahih atau hasan.

Demikianlah contoh keadaan *itthiraab* yang wujud pada sanad sesuatu hadits. Imam Tirmizi selepas itu meneruskan komentarnya dengan menyebut bahawa beliau telah meminta pendapat Imam Bukhari dalam perkara ini. Imam Bukhari memberi pandangannya dengan mengatakan ada kemungkinan Qataadah mendengar dan meriwayatkan hadits ini daripada kedua-dua mereka sekali. Andaian yang dibuat Bukhari ini tentunya untuk menghilangkan sebab *itthiraab* yang terdapat di dalam isnad riwayat Zaid bin Arqam. Akan tetapi mari kita lihat sebab *itthiraab* manakah yang hilang dengan kata-kata Bukhari itu di bawah nota:67 nanti.

⁶⁷ Di sini timbul pula perselisihan pendapat di kalangan para pensyarah kitab Sunan at-Tirmizi berkenaan dengan siapakah yang dimaksudkan oleh Imam Bukhari dengan “kedua-dua mereka” itu. Beberapa andaian telah dikemukakan oleh mereka. Antara lainnya ialah: (1) Yang dimaksudkan dengan *عَنْهُمَا* “Kedua-dua mereka” itu ialah Zaid bin Arqam dan al-Qasim bin `Auf as-Syaibani. Kesimpulannya ialah Qataadah telah menerima hadits ini satunya terus daripada Zaid bin Arqam dan melalui saluran kedua pula Qataadah menerimanya daripada al-Qasim bin `Auf as-Syaibani daripada Zaid bin Arqam. Hadits Zaid yang diterima secara langsung daripada Zaid itu disampaikan Qataadah kepada Hisyam ad-Dastuwaa`i dan hadits dengan perantaraan al-Qasim bin `Auf as-Syaibani pula disampaikannya kepada Sa`id bin Abi `Arubah. Dengan itu dapat disimpulkan bahawa Imam Bukhari bermaksud hendak menghilangkan sebab *itthiraab* yang pertama sahaja daripada sebab-sebab *itthiraab* yang disebutkan tadi. Pendapat ini tidak dapat diterima kerana tidak sabit Qataadah sempat bertemu dan mendengar sesuatu hadits

daripada Zaid bin Arqam. Tidak mungkin orang yang arif tentang Rijal hadits seperti Imam Bukhari akan memaksudkan kata-katanya “kedua-dua mereka” itu dengan Zaid bin Arqam dan al-Qasim bin ‘Auf. (2) “Kedua-dua mereka” yang dimaksudkan oleh Bukhari ialah an-Nadhr bin Anas dan Zaid bin Arqam. Inilah andaian yang dibuat oleh Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi dan penulis Hasyiah Sunan at-Tirmizi dalam cetakan India dan Pakistan. Dengan menerima pendapat ini segala bentuk *itthiraab* akan hilang. Riwayat-riwayat yang kelihatan berbeza-beza itu pula dapat ditathbiq (diselaras) dan dikompromikan. Dengan itu hadits Zaid bin Arqam akan meningkat ke taraf hasan atau sahih. Cara mentathbiqkannya ialah dengan mengatakan, mungkin Qataadah mendengar hadits ini secara langsung daripada Zaid bin Arqam seperti yang terdapat dalam riwayat Hisyam ad-Dastuwaa’i. Mungkin juga Qataadah telah meriwayatkannya dengan perantaraan seperti yang terdapat dalam riwayat Sa’id dan Syu’bah. Qataadah juga mungkin telah meriwayatkan hadits ini daripada an-Nadhr bin Anas daripada Zaid bin Arqam seperti yang terdapat dalam riwayat Syu’bah. Mungkin juga telah meriwayatkannya daripada an-Nadhr daripada ayahnya Anas seperti yang terdapat dalam riwayat Ma’mar. Pendapat ini juga tidak dapat diterima oleh kebanyakan ‘ulama’ kerana seperti telah disebutkan tadi, tidak sabit Qataadah sempat bertemu dan mendengar sesuatu hadits daripada Zaid bin Arqam. (3) Yang dimaksudkan dengan “kedua-dua mereka” ialah al-Qasim bin ‘Auf as-Syaibani dan an-Nadhr bin Anas. Inilah andaian yang paling tepat dan paling boleh diterima. Ia menjadi pilihan kebanyakan pensyarah Sunan Tirmizi seperti Maulana Muhammad Anwar Shah al-Kashmiri, Maulana ‘Abdur Rahman al-Mubarakfuri, al-‘Aini di dalam ‘Umdat al-Qaari dan lain-lain. Kerana tidak salah kalau dikatakan Qataadah pernah berjumpa dengan kedua-duanya dan meriwayatkan hadits ini daripada mereka. Maksud Tirmizi dan Bukhari sebenarnya ialah menghilangkan *itthiraab* yang berlaku di antara riwayat Sa’id bin Abi ‘Arubah dan Syu’bah. Siapakah sebenarnya guru Qataadah yang menerima hadits daripada Zaid bin Arqam? Adakah al-Qasim bin ‘Auf as-Syaibani atau an-Nadhr bin Anas?? Jawab Bukhari boleh jadi Qataadah telah menerima hadits Zaid bin Arqam daripada kedua-dua mereka. Hadits yang diterima daripada al-Qasim bin ‘Auf as-Syaibani disampaikannya kepada Sa’id dan hadits yang diterimanya daripada an-Nadhr bin Anas pula disampaikannya kepada Syu’bah. **Tidak patut anda mengatakan** Imam Tirmizi dan Bukhari bermaksud menghilangkan *itthiraab* pada isnad Hisyam dan Sa’id, kerana kesilapan riwayat Hisyam amat jelas lantaran telah terbukti bahawa Qataadah tidak sempat mendengar (menerima) hadits daripada mana-mana sahabat selain Anas. Bagaimana pula akan dikatakan beliau telah menerima secara langsung daripada Zaid bin Arqam?! Tidak patut juga anda mengatakan Imam Tirmizi dan Imam Bukhari bermaksud menghilangkan *itthiraab* pada isnad Syu’bah dan Ma’mar. Kerana riwayat Ma’mar juga jelas salah. Waham perawi (Ma’mar) ada padanya. Ia dapat anda lihat dalam komentar al-Baihaqi tadi misalnya. Kesilapan dan kesalahan seumpama itu mana mungkin tidak diketahui oleh tokoh hadits seperti Tirmizi dan Bukhari!! Oleh yang demikian, tidak ada *itthiraab* yang tinggal kecuali yang ketiga iaitu *itthiraab* yang berlaku di antara riwayat Sa’id bin Abi ‘Arubah dan Syu’bah. Itulah sebenarnya yang cuba dihilangkan oleh Bukhari dan Tirmizi. Antara bukti yang boleh dijadikan sebagai penyokong kepada andaian (3) ini ialah riwayat Ibnu Hibbaan, di mana terdapat Syu’bah sendiri telah meriwayatkan daripada Qataadah menerusi kedua-dua saluran riwayat, al-Qasim bin ‘Auf as-Syaibani dan an-Nadhr bin Anas. Dengan itu hilanglah *itthiraab* di antara riwayat Sa’id dan Syu’bah. Di bawah ini dikemukakan dua riwayat Ibnu Hibbaan berkenaan: (1) أخبرنا محمد بن إسحاق بن سعيد السعدي حدثنا علي بن خشرم أنبأنا عيسى بن يونس عن (1)

شعبة عن قتادة عن القاسم الشيباني عن زيد بن أرقم أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال إن هذه الحشوش محتضرة فإذا أراد Bermaksud: Syu'bah meriwayatkan daripada Qataadah daripada al-Qasim (bin 'Auf) as-Syaibani daripada Zaid bin Arqam bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya tandas-tandas itu adalah tempat-tempat yang dihadhiri (jin dan syaitan). Oleh itu apabila seseorang daripada kamu hendak memasuki tempat membuang air, ia hendaklah mengucapkan: "Aku berlindung dengan Allah daripada syaitan-syaitan jantan dan syaitan-syaitan betina." (Hadits riwayat Ibnu Hibbaan di dalam Sahihnya j.4 m/s 252). (2) أخبرنا عمر بن محمد الهمداني قال حدثنا محمد بن عبد الأعلى قال حدثنا خالد بن الحارث عن شعبة عن قتادة قال سمعت النضر بن أنس يحدث عن زيد بن أرقم عن النبي صلى الله عليه وسلم قال إن هذه الحشوش محتضرة فإذا دخلها أحدكم فليقل اللهم إني Bermaksud: Syu'bah meriwayatkan daripada Qataadah daripada al-Qasim (bin 'Auf) as-Syaibani daripada Zaid bin Arqam bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya tandas-tandas itu adalah tempat-tempat yang dihadhiri (jin dan syaitan). Oleh itu apabila seseorang daripada kamu (hendak) memasuki tempat membuang air, ia hendaklah mengucapkan: "Ya Allah! Aku berlindung denganMu daripada syaitan-syaitan jantan dan syaitan-syaitan betina." (Hadits riwayat Ibnu Hibbaan di dalam Sahihnya j.4 m/s 255). Dengan adanya dua riwayat Ibnu Hibbaan ini terbukti benarlah telahan Imam Bukhari bahawa "Boleh jadi Qataadah meriwayatkan daripada kedua-dua mereka". Justeru sekarang ia bukan lagi sesuatu yang 'boleh jadi', malah ia adalah sesuatu yang memang telah terjadi. Tarjih Abu Daud di dalam Sunannya juga kiranya dapat menghilangkan *itthiraab* yang dikatakan berlaku di antara riwayat Syu'bah dan Ma'mar. Ini kerana Abu Daud hanya mengambil riwayat Syu'bah daripada Qataadah daripada an-Nadhr bin Anas daripada Zaid bin Arqam. Beliau langsung tidak menyebut riwayat Ma'mar. Begitulah caranya beliau mentarjihkan riwayat Syu'bah daripada riwayat Ma'mar. Sekarang lihatlah riwayat Abu Daud berkenaan: حَدَّثَنَا عُمَرُو بْنُ مَرْزُوقٍ أَخْبَرَنَا شُعْبَةُ عَنْ قَتَادَةَ عَنْ النَّضْرِ بْنِ أَنَسٍ عَنْ زَيْدِ بْنِ أَرْقَمٍ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ هَذِهِ الْحُشُوشَ مُحْتَضِرَةٌ فَإِذَا أَتَى أَحَدُكُمْ الْخَلَاءَ فَلْيَقُلْ أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الْخُبْثِ وَالْخَبَائِثِ Bermaksud: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya tandas-tandas itu adalah tempat-tempat yang dihadhiri (jin dan syaitan). Oleh itu apabila seseorang daripada kamu hendak ke tempat membuang air, ia hendaklah mengucapkan: "Aku berlindung dengan Allah daripada syaitan-syaitan jantan dan syaitan-syaitan betina." **Akhir sekali elok rasanya** penulis nukilkan tiga rangkap sya'ir gubahan al-Muhaddits al-'Allamah Maulana Muhammad Anwar Shah al-Kashmiri tentang masalah *itthiraab* yang terdapat di dalam riwayat-riwayat daripada Zaid bin Arqam ini dan bagaimana seharusnya *itthiraab* itu dihilangkan. Setelah diberikan terjemahannya, dikemukakan pula komentar murid kesayangan beliau Maulana Muhammad Yusuf al-Banuri di samping sedikit ubah suai dan tokok tambah daripada penulis untuk menyerlahkan lagi mafhumnya. Kata Syekh Muhammad Anwar Shah al-Kashmiri:

هشام عن قتادة ثم زيد * سعيد عن قتادة فابن عوف
وشعبة معمر عنه عن النضر * عن أنس وعن زيد بخلف
وقال البيهقي أنس خطيء * وعن زيد قتادة غير صرف

Bermaksud: Hisyam (meriwayatkan) daripada Qataadah daripada Zaid (bin Arqam). Sa'id (meriwayatkan) daripada Qataadah daripada Ibnu 'Auf. Syu'bah dan Ma'mar berbeda dalam meriwayatkan daripada Qataadah. Sama ada beliau meriwayatkan daripada an-Nadhr daripada Anas atau daripada Zaid. Kata Baihaqi (riwayat Ma'mar daripada) Anas salah. (Riwayat) Qataadah (daripada an-Nadhr) daripada Zaid semestinyalah diterima.

٥- أَخْبَرَنَا أَحْمَدُ بْنُ عَبْدِ الصَّمِيِّ الْبَصْرِيُّ حَدَّثَنَا حَمَّادُ بْنُ زَيْدٍ عَنْ عَبْدِ الْعَزِيزِ بْنِ صُهَيْبٍ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا دَخَلَ الْخَلَاءَ قَالَ اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْخُبْثِ وَالْخُبَائِثِ. قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ

5- Ahmad bin `Abdah ad-Dhabbi al-Bashri<sup>68</sup> meriwayatkan kepada kami, katanya: Hamaad bin Zaid<sup>69</sup> meriwayatkan kepada kami daripada `Abdil `Aziz bin Shuhaib

Dalam komentarnya terhadap sya'ir ini, Maulana Muhammad Yusuf al-Banuri berkata: As-Syeikh al-Muhaddits Maulana Muhammad Anwar Shah al-Kashmiri menggunakan perkataan ثم di antara Qataadah dan Zaid bin Arqam di dalam rangkap pertama untuk mengisyaratkan kepada perihal terputusnya sanad (انقطاع السند) itu dan jauhnya jarak di antara Qataadah dan Zaid bin Arqam. Kerana ثم adalah haraf `athaf yang mengandungi erti taraakhi (lambat, jauh, lewat dan sebagainya). Penggunaan haraf `athaf ف di antara Qataadah dan Ibnu `Auf di akhir rangkap pertama pula untuk mengisyaratkan kepada perihal bersambungannya sanad (اتصال السند) mereka. Kerana ف adalah haraf `athaf yang mengandungi erti tartib dan ta`qib atau teratur dan terus. Maka sudah tentu riwayat *muttashil* lebih utama daripada riwayat *munqathi*. Dengan itu hilanglah *itthiraab* yang terdapat di antara sanad Hisyam dan Sa'id. Rangkap kedua disusun dalam bentuk النشر الغير المرتب untuk mengisyaratkan kepada kecelaruan, percanggahan dan keadaan tidak tetap (الاضطراب). Perkataan خلف di hujungnyanya juga turut memberi ma'na yang sama. Dengan mengemukakan kata-kata al-Baihaqi di permulaan rangkap ketiga, penya'ir bermaksud menghilangkan اضطراب yang disebutkan di dalam rangkap kedua. Maka hilanglah *itthiraab* yang terdapat di antara sanad Syu'bah dan Ma'mar. Apabila sudah nyata silap dan salahnya riwayat Ma'mar daripada Qataadah daripada an-Nadhr daripada ayahnya Anas, maka semestinyalah diterima riwayat Syu'bah daripada Qataadah daripada an-Nadhr bin Anas daripada Zaid bin Arqam. Maka tiada lagi *itthiraab* apabila salah satu sanad dapat ditarjihkan daripada sanad yang lain. (Lihat Maulana Muhammad Yusuf al-Banuri-Ma'aarifu as-Sunan Syarah Sunan at-Tirmizi j.1 m/s 81).

⁶⁸ Abu `Abdillah. Beliau meriwayatkan hadits daripada Hamaad bin Zaid, Abi `Awaanah, `Abdir Rahman bin Ziad dan ramai lagi tokoh-tokoh hadits yang lain. Selain Tirmizi tokoh-tokoh hadits lain yang turut meriwayatkan hadits daripada beliau ialah Imam Muslim, Abu Daud, Nasaa'i dan Ibnu Majah. Abu Haatim dan an-Nasaa'i mengatakan beliau perawi tsiqah. Ahmad bin `Abdah meninggal pada tahun 245H. Imam az-Zahabi di dalam Mizaan al-I'tidaalnya berkata. Ahmad bin `Abdah adalah seorang hujjah.

⁶⁹ bin Dirham al-Azdi Abu Isma'il al-Azraq al-Bashri al-Hafiz. Beliau adalah maula (hamba bebasan) Jarir bin Haazim dan salah seorang tokoh `ulama' hadits yang terkenal di zamannya. Hamaad bin Zaid menerima hadits daripada Anas bin Sirin, Tsabit, `Aashim bin Bahdalah, Ibnu Waasi, Ayyub dan ramai lagi tokoh-tokoh hadits yang lain. Antara tokoh hadits yang menerima hadits daripada beliau ialah ats-Tsauri, Ibnu Mahdi, Ibnu al-Madini dan ramai lagi. Kata Ibnu Mahdi: "Tidak pernah saya lihat seorang yang lebih kuat ingatannya, lebih alim tentang Sunnah dan lebih faqih daripada beliau di Bashrah." Hafiz Ibnu Hajar di dalam Taqrib at-Tahzib menulis,

daripada Anas bin Malik bahawasanya Nabi s.a.w apabila hendak memasuki tempat sunyi (tandas), Baginda berdoa: “Ya Allah! Aku berlindung KepadaMu daripada syaitan-syaitan jantan dan syaitan-syaitan betina.”⁷⁰ Abu `Isa berkata: “Ini adalah hadits hasan (lagi) sahih.

٥- باب مَا يَقُولُ إِذَا خَرَجَ مِنَ الْخَلَاءِ

5- Bab Apa Yang Diucapkan Apabila (Seseorang) Keluar Dari Tandas.

٦- حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ حَدَّثَنَا مَالِكُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ عَنْ إِسْرَائِيلَ بْنِ يُونُسَ عَنْ يُونُسَ بْنِ أَبِي بُرْدَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا خَرَجَ مِنَ الْخَلَاءِ قَالَ غُفْرَانُكَ. قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ لَا نَعْرِفُهُ إِلَّا مِنْ حَدِيثِ إِسْرَائِيلَ عَنْ يُونُسَ بْنِ أَبِي بُرْدَةَ. وَأَبُو بُرْدَةَ عَنْ أَبِي مُوسَى اسْمُهُ عَامِرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ قَيْسٍ الْأَشْعَرِيِّ وَلَا نَعْرِفُ فِي هَذَا الْبَابِ إِلَّا حَدِيثَ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

6- Muhammad bin Isma`il (Imam Bukhari)<sup>71</sup> meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik bin Isma`il⁷² meriwayatkan kepada kami daripada Isra`il⁷³ daripada Yusuf bin Abi

beliau adalah seorang tsiqah, tsabt lagi faqih. Hamaad bin Zaid meninggal dunia pada tahun 197H ketika berumur 81 tahun.

⁷⁰ Apakah tujuan Imam Tirmizi mengemukakan pula hadits Anas yang sebelum ini telah dikemukakannya? Pada pendapat penulis tujuannya ialah untuk menghilangkan *itthiraab* pada matan (teks) hadits Anas daripada `Abdil `Aziz bin Shuhaib yang tersebut sebelum ini. Beliau seolah-olahnya berkata, *itthiraab* yang terdapat pada matan hadits itu dapat dihilangkan oleh hadits-hadits yang lebih kuat seperti ini. Cuba lihat! Bukankah tidak ada sebarang syak di dalam matannya? Padahal ia juga diriwayatkan daripada `Abdil `Aziz bin Shuhaib daripada Anas?? Selain Tirmizi, hadits ini diriwayatkan juga oleh Bukhari, Muslim, Abu Daud, Nasaa`i dan Ibnu Majah. Kata Hafiz Ibnu Hajar di dalam Fathul Baari: “Nabi s.a.w. memohon perlindungan kepada Allah (berta`wwuz) untuk menyatakan kehambaan Beliau dan mengeraskan ucapan ta`awwuz dengan tujuan mengajar (ummatnya).”

⁷¹ Muhammad bin Isma`il iaitu Imam Bukharilah sebenarnya perawi yang merupakan guru tempat ambilan hadits ini oleh Imam Tirmizi. Kecelaruan tentang nama perawi tempat ambilan Tirmizi di sini dapat dikesan di dalam beberapa nuskah Jaami` Tirmizi. Bukan sekadar itu, ia bahkan berbeda-beda dalam mengemukakan nama guru kepada guru Imam Tirmizi juga. (1) Di dalam nuskah cetakan India, nama perawi di sini ialah Muhammad bin Humaid bin Isma`il. (2) Di dalam sesetengah manuskrip tersebut begini: حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنِ إِسْمَاعِيلَ حَدَّثَنَا مَالِكُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ عَنْ إِسْرَائِيلَ (3) Di dalam nuskah matan Jaami` Tirmizi yang diguna pakai oleh Imam Ibnul `Arabi untuk Syarahnya `Aaridhatu al-Ahwazi pula tersebut begini: حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ حَدَّثَنَا حُمَيْدُ بْنُ حَدَّثَنَا مَالِكُ